

# AMANAHRAYA

## TERMA & SYARAT

### KEMPEN “BINA LEGASI” AMANAHRAYA 2025

“*Perwarisan Anda Bermula Di Sini*”

Tempoh Kempen: 1 Ogos 2025 – 30 September 2025

---

#### A. Penganjur

Kempen ini dianjurkan oleh **Amanah Raya Berhad** (“Penganjur” or “AmanahRaya”).

#### B. Tempoh Kempen

Kempen berlangsung dari **1 Ogos 2025** hingga **30 September 2025**. Penganjur berhak mengubah, melanjutkan atau menamatkan kempen ini tanpa sebarang notis awal.

#### C. Produk Dan Servis

- Wasiat AmanahRaya (Asas dan/atau Komprehensif) untuk Individu/Kombo;
- HiBAHKU;
- Pentadbiran Harta Pusaka
- Amanah Tunai;
- Amanah Hartanah

#### D. Kelayakan

Kempen ini terbuka kepada semua individu yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Untuk Wasiat AmanahRaya— individu yang berumur 18 tahun ke atas (Semenanjung Malaysia dan Negeri Sarawak) dan yang berumur 21 tahun ke atas (Negeri Sabah); dan
- Untuk lain-lain produk AmanahRaya yang tersenarai di item (C) - individu yang berumur 18 tahun ke atas (seluruh Malaysia).

#### E. Promosi & Harga Istimewa

Produk	Harga Biasa	Harga Promosi
HiBAHKU	RM1,500.00	<b>RM1,300.00</b>
Wasiat Asas	RM500.00	<b>RM400.00</b>
Wasiat Komprehensif	RM1,200.00	<b>RM1,000.00</b>
Kombo Wasiat Asas (2 pax)	RM1,000.00	<b>RM700.00</b>
Kombo Wasiat Komprehensif (2 pax)	RM2,400.00	<b>RM1,800.00</b>
Yuran Guaman Amanah Tunai	RM200.00	<b>Dikecualikan</b>
Yuran Guaman Amanah Property	RM200.00	<b>Dikecualikan</b>

#### F. Kupon Diskaun Pentadbiran Harta

Pelanggan yang menebus kupon asal ini dan membuka fail pentadbiran pusaka **sebelum 31 Disember 2025** layak menerima:

Jenis	Harga Biasa	Tawaran Promosi	Sah Sehingga
Pentadbiran Harta Pusaka	Yuran semasa AmanahRaya	<b>Diskaun 10% dengan syarat yuran minima sebanyak RM1,000.</b>	<b>31 Disember 2025</b>

*Nota: Kupon asal perlu dikemukakan semasa pendaftaran perkhidmatan. Kupon ini hanya boleh digunakan sekali sahaja.*

#### G. Insentif Hadiah Misteri

- Hadiah Misteri akan diberikan kepada **pelanggan “walk-in”** yang melanggan **HiBAHKU atau Wasiat Komprehensif** di mana-mana cawangan AmanahRaya di seluruh Malaysia.
- Setiap cawangan AmanahRaya hanya diperuntukkan sebanyak 10 Hadiah Misteri. Oleh kerana kuantiti yang terhad, pemberian hadiah adalah tertakluk kepada dasar “*siapa cepat dia dapat*”.
- Tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau kupon.

#### H. Saluran Pembelian Sah

Promosi hanya sah untuk pelanggan yang melanggan melalui:

- mana-mana Cawangan AmanahRaya di seluruh Malaysia (*Walk-in*)
- Kaunter Bergerak / *Roadshow* / Taklimat
- Wasiat Atas Talian / *Will Online Platform*

#### I. Polisi Bayaran Balik

Tiada bayaran balik dibenarkan untuk semua produk dan perkhidmatan yang dilanggan melalui kempen promosi ini.

#### J. Lain-lain Syarat

1. Dengan menyertai promosi ini, pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan.
2. AmanahRaya tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan teknikal, gangguan, campur tangan luar atau kesilapan manusia atau sistem yang berlaku bukan disebabkan oleh kecuaian pihak AmanahRaya.
3. AmanahRaya tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kejadian luar jangka seperti bencana alam, perang, rusuhan, pandemik, dan kejadian di luar kawalan.
4. Dengan menyertai promosi ini, pelanggan bersetuju memberi kebenaran kepada AmanahRaya untuk memproses data peribadi bagi tujuan berkaitan promosi ini, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
5. **Penafian:** AmanahRaya, pegawai, kakitangan, ejen atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan langsung atau tidak langsung, termasuk kehilangan data, keuntungan atau reputasi berkaitan penyertaan pelanggan dalam kempen ini.

6. AmanahRaya berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk meminda, menambah atau membatalkan mana-mana terma dan syarat ini tanpa notis awal. Segala perubahan dianggap telah dimasukkan dan terikat dengan pelanggan secara automatik.
  7. Terma dan syarat ini ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
  8. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi AmanahRaya di **03-2723 7273** atau layari [www.amanahraya.my](http://www.amanahraya.my).
- 

*Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong*